

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : PKNS ADALAH PUSAT PERNIAGAAN BUMIPUTRA YANG TERAWAL DI
NEGERI SELANGOR**

161. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk memastikan kompleks PKNS terus relevan sebagai pusat perniagaan bumiputra?
- b) Apakah bangunan kompleks PKNS akan diberi rebranding baru supaya dapat bersaing dengan mall yang baru?

JAWAPAN:

- a) PKNS menerusi anak syarikat iaitu PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) sentiasa memastikan Kompleks PKNS Shah Alam (KPSA) membantu dan menyokong peniaga-peniaga bumiputera dan juga kekal relevan kepada pengunjung-pengunjung yang datang. Antara inisiatif dan usaha berterusan yang dijalankan ialah:
 - i. Pengekalan nisbah peratus bumiputera di KPSA sebanyak 85% sehingga kini;
 - ii. Pengubahsuaian Tempat Orang Lokal (T.O.L.) di lot yang sebelumnya dimiliki oleh penyewa yang bertaraf bukan bumiputera iaitu Seri Kota. T.O.L. memuatkan 35 lot niaga yang dihuni oleh penyewa-penyewa bumiputera sahaja dan kini urusan penyewaan diuruskan oleh Hijrah Selangor bagi menawarkan lot niaga jangka pendek kepada peniaga-peniaga di bawah seliaan mereka;
 - iii. Penganjuran "Promosi Bulanan" di ruang-ruang promosi KPSA yang hanya ditawarkan kepada penyewa-penyewa bumiputera di KPSA sahaja untuk membantu melonjakkan jualan masing-masing pada setiap bulan;
 - iv. Penawaran tapak niaga di ruang promosi pada kadar berpatutan untuk penyewa-penyewa bumiputera di KPSA sahaja untuk Festival Ramadhan Selangor (FESTIRA) yang mampu mengundang kunjungan tidak kurang daripada 20,000 pengunjung sehari. FESTIRA juga adalah salah satu bukti bahawa KPSA adalah tumpuan pengunjung bumiputera untuk membuat persediaan berhari raya;

- v. Bagi pengunjung pula, 40% daripada produk yang ditawarkan di KPSA merupakan pakaian muslimah dan peralatan ibadah sejajar dengan demografik pengunjung di KPSA yang majoritinya terdiri daripada bumiputera;
- vi. Penganjuran khas program CSR "Kasih Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor" yang dianjurkan oleh PKNS dan KPSA dengan menawarkan sebanyak 80-90 tapak niaga di ruang promosi pada harga minima selama 14 hari sebanyak 4 kali setahun untuk peniaga-peniaga di bawah seliaan Hijrah Selangor dan Bahagian Pembangunan Usahawan PKNS;
- vii. PREC juga sedang di dalam perancangan untuk memberi peluang kepada lebih ramai peniaga bumiputera untuk menyewa tapak perniagaan di "SACC WALK" pada kadar berpatutan pada setiap hujung minggu.

- b) Dari segi penjenamaan, Kompleks PKNS Shah Alam (KPSA) telah pun diberi logo dan slogan baru oleh PKNS Real Estate (PREC) sejak 2014. Logo dan slogan ini juga telah digunakan secara meluas dalam bahan-bahan komunikasi yang dikeluarkan oleh KPSA. Reka bentuk bahan-bahan komunikasi juga diubahsuai menjadi lebih moden untuk memenuhi citarasa segenap lapisan pengunjung KPSA.

Jika dilihat dari sudut promosi pula, KPSA telah menjalankan promosi yang agresif di sosial media dan platform digital yang lain bagi menghebahkan aktiviti-aktiviti dan promosi penyewa-penyewa di KPSA. KPSA juga telah disenaraikan oleh Tourism Selangor sebagai salah satu tempat pelancongan di Selangor yang perlu dilawati.

Dari segi kemudahan pula, PREC telah memasang penghawa dingin di ruang-ruang legar bagi keselesaan para pengunjung dan penyewa. Selain itu, beberapa kawasan telah ditambah baik seperti SACC Walk dan Anjung Perdana agar menjadi tarikan pengunjung yang datang.

Walaupun penambahaikan dari pelbagai aspek "rebranding" telah dijalankan, kami juga sangat berhati-hati dalam mengekalkan identiti KPSA yang sangat dekat di hati pengunjung KPSA dan penduduk Shah Alam. KPSA merupakan sebuah bangunan yang kaya dengan elemen sentimental dan menyimpan seribu satu kenangan para pengunjung dan penyewa tetap sejak penubuhannya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PEMBERIAN TANAH UNTUK TAPAK SEKOLAH PELBAGAI ALIRAN

162. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila senaraikan jumlah tapak tanah SJKC yang telah diluluskan oleh KNS sejak 5 tahun lalu.
- b) Sila nyatakan jumlah tapak tanah SJKT dan SAR yang diluluskan oleh KNS sejak 5 tahun lalu.
- c) Apakah KNS bersedia meluluskan tapak tanah untuk SMP Cina?

JAWAPAN:

a & b) Jumlah tapak tanah sekolah yang diluluskan oleh KNS sejak 5 tahun lalu adalah seperti berikut;

DAERAH	SJKC	SJKT	SRA
PETALING	-	2	8
HULU LANGAT	-	-	7
GOMBAK	-	1	1
KLANG	5	3	9
SEPANG	-	3	5
KUALA LANGAT	1	-	-
KUALA SELANGOR	-	2	5
HULU SELANGOR	1	4	-
SABAK BERNAM	-	-	5
JUMLAH	7	15	40

- c) Sekiranya terdapat permohonan untuk pemberimilikan tanah bagi tujuan SMP Cina, permohonan akan dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri berdasarkan ulasan daripada Jabatan Teknikal dan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia selaras Surat Pekeliling Pentadbiran BPSG 2/1995 : Garis Panduan Penubuhan dan Pendaftaran Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Swasta Kurikulum Kebangsaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

TAJUK : MENYEDIAKAN TAPAK PARKING DI STESEN LRT PUCHONG PERDANA

163. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah pihak Prasarana menyediakan tapak 'parking' di stesen LRT Puchong Perdana kerana tiada parking lot disediakan walaupun telah beberapa kali berbincang diantara pihak prasarana dan PBT tetapi masih belum mengambil apa-apa tindakan? kenderaan semakin banyak parking dikawasan rumah penduduk sekitar.

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada kelulusan Kebenaran Merancang (KM), tiada cadangan pembinaan Tempat Letak Kereta (TLK) di kawasan Stesen LRT Puchong Perdana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)**

TAJUK : PORTAL RASMI KERAJAAN NEGERI

164. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci kos pengurusan portal tersebut.
- b) Nyatakan jumlah pengunjung portal tersebut dalam setahun.

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2015, sistem aplikasi Enterprise Portal Management System (EPMS), Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor dan 9 Pejabat Daerah / Tanah telah dinaiktaraf daripada versi 3.0 ke 4.7 dengan jumlah kos adalah sebanyak RM49,820.00.
- b) Jumlah pengunjung Portal Rasmi Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti jadual berikut :

Tahun/Perkara	Pageviews	Sessions	Users
2015	625,085	280,232	95,458
2016	844,563	412,981	125,848
2017	1,220,080	628,712	366,107
2018(Jan-13 Mac)	447,860	227,955	143,505

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)**

TAJUK : ISU TANAH IJOK

165. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menjamin kepentingan para peneroka?

JAWAPAN:

- a) Soalan ini telah ditolak.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa memantau perjanjian yang telah ditandatangani di antara peneroka dengan pemaju sebelum ini dipatuhi. Pada 3 September 2016 majlis menandatangani perjanjian ‘Certificate Of Entitlement Handing Over’ telah diadakan dan dihadiri oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor. Pada 11 Februari 2018 Majlis menandatangani ‘Signing Of Entitlement Agreement’ telah diadakan di Stadium Tertutup Kuala Selangor, juga telah dihadiri oleh YAB Dato Menteri Besar Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN
(N38 PAYA JARAS)**

**TAJUK : STATUS PERMOHONAN LALUAN ALTERNATIF 4/4 TAMAN WANGSA
PERMAI KE JALAN INDUSTRI DESA AMAN (IDA)**

166. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah MPS telah mengemukakan Kertas Pertimbangan tersebut seperti surat bertarikh 23 Mac 2017?
- b) Bilakah tarikh Kertas Pertimbangan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Jalan yang dinyatakan di atas adalah Jalan Wangsa 3/4, Taman Wangsa Permai menuju ke Jalan IDA1, Kawasan Industri Desa Aman. Untuk Makluman, Majlis perbandaran Selayang (MPS) telah mengemukakan kertas pertimbangan tersebut.
- b) Permohonan MPS ini dijadualkan untuk dibincangkan dalam Mesyuarat EXCO MTES bil 8/2018 pada 22 Mac 2018. Walau bagaimanapun, pertanganan perkara tersebut telah ditangguhkan oleh pihak UPEN sehingga tarikh yang akan diberitahu kelak.

GAMBAR LOKASI WANGSA PERMAI 3/4



PELAN LOKASI



Jalan IDA 1, Industri Desa Aman



PELAN LOKASI GIS



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : KANAK-KANAK DENGAN TUMBESARAN TERBANTUT

167. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik kanak-kanak di Selangor dengan tumbesaran terbantut dan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menghadapi permasalahan ini?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri Selangor tidak mempunyai statistik kanak-kanak di Selangor dengan tumbesaran terbantut kerana kaji selidik mengenai kemiskinan dan penafian hak kanak-kanak bandar oleh Unicef diadakan di rumah pangsa Kuala Lumpur.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor juga tidak mempunyai statistik kanak-kanak dengan tumbesaran terbantut. Untuk makluman ahli Yang Berhormat sekalian, pengesahan kategori ketidakupayaan kanak-kanak yang terbantut tumbesaran sebagai oku fizikal atau masalah pembelajaran hanya ditentukan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah melaksanakan program-program berikut bagi menangani masalah kanak-kanak dan keluarga miskin di Negeri Selangor.

• **Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)**

Bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) bagi membantu golongan ibu mendapatkan barang keperluan asas keluarga tanpa tunai melalui pembelian di pasaraya yang telah dikenalpasti dengan nilai RM200.00 sebulan bagi setiap orang. Melalui pelaksanaan program ini, para ibu boleh membuat pembelian ke atas barang yang berkhasiat dan mempunyai nutrisi yang baik bagi membantu tumbesaran kanak-kanak seterusnya dapat membantu perkembangan minda dalam membentuk generasi yang akan datang.

Senarai barang yang boleh dibeli di dalam program ini seperti beras, mi atau bihun, roti, biskut, telur, gula, garam, rempah ratus, sos, kicap, tepung, minyak masak, sayur-sayuran, buah-buahan, daging ayam, lembu, kambing,

ikan, sabun, kelengkapan mandian, bahan pencuci, lampin pakai buang, produk tenusu dan barangan persekolahan.

- **Program Smart Selangor Food Stamp**

Bermula Jun 2016 hingga Disember 2017, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Program Smart Selangor *Food Stamp* yang merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu meringankan dan mengurangkan beban kos sara hidup yang kian meningkat dari kalangan golongan masyarakat yang berpendapatan rendah dengan nilai RM50.00 sebulan kepada 100 buah keluarga termiskin dari setiap DUN selama 1 tahun. Selain itu, melalui pemberian bantuan makanan asas ini keluarga berkenaan akan dibekalkan dengan makanan yang sihat seperti beras, minyak masak, gula, tepung, bijun dan susu pekat sekaligus dapat menerima nutrisi yang lengkap untuk proses tumbesaran kanak-kanak yang kian membesar.

- **Skim Peduli Sihat**

Skim PEDULI SIHAT memberi manfaat kepada peserta berkaitan pembiayaan rawatan kesihatan asas menurut kategori Keluarga (Had Pembiayaan RM500.00 setahun, RM50 bagi setiap kali rawatan) dan Individu (Had Pembiayaan RM500.00 setahun, RM50 bagi setiap kali rawatan) di panel klinik yang berdaftar.

- **Bantuan Kewangan**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor (JKMN Selangor) menyediakan Skim Bantuan Am bagi membantu keluarga miskin yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM1,500 atau pendapatan perkapita tidak melebihi RM350 sebulan. Kadar Bantuan Am adalah RM250, RM300 dan RM350 sebulan. Bantuan Am ini adalah bertujuan membantu menampung perbelanjaan harian keluarga miskin. Sehingga Februari 2018, penerima Bantuan Am adalah 4,437 kes yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2,940,550.00.

- **Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)**

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah menujuhkan PAKK di Negeri Selangor. PAKK berfungsi sebagai pusat aktiviti, pusat advokasi, pusat sumber, pusat pembelajaran, pusat intervensi krisis dan pusat sosial dan rekreasi untuk kanak-kanak.

Sebanyak 17 buah PAKK di seluruh Negeri Selangor telah diwujudkan di mana 2 buah PAKK masing-masing berada di PPR Taman Putra Damai dan PPR HICOM.

BIL.	DAERAH	NAMA PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK (PAKK)
1	Petaling	1. PAKK Taman Medan
		2. PAKK Taman Putra Damai
		3. PAKK Shah Alam
		4. PAKK Subang Jaya
2	Klang	1. PAKK Taman Seri Andalas
3	Sabak Bernam	1. PAKK Taman Gemilang
		2. PAKK Taman Perpaduan
4	Gombak	1. PAKK Kg. Bendahara
		2. PAKK Bandar Tasik Puteri
		3. PAKK Hulu Klang
5	Hulu Selangor	1. PAKK Wawasan Gemilang
6	Kuala Langat	1. PAKK Banting
		2. PAKK Kg. Kundang
7	Sepang	1. PAKK Salak Tinggi
		2. PAKK Taman Putra Perdana
8	Kuala Selangor	1. PAKK Kuala Selangor
9	Hulu Langat	1. PAKK Kajang

- **Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) Daerah**

PKKK ditubuhkan di setiap daerah bagi berfungsi sebagai sistem sokongan kepada perkhidmatan pemuliharan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah atau masalah sosial.

Ahli PKKK dilantik daripada golongan masyarakat setempat yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam bidang kanak-kanak. Selain itu, PKKK turut dianggotai oleh Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Perubatan. Mereka akan membantu Jabatan dalam menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pencegahan jenayah dan kerosakan akhlak dalam kalangan kanak-kanak.

- **Program Selangor Teen Volunteers**

Kewujudan sukarelawan kanak-kanak Negeri Selangor atau dikenali sebagai Selangor *Teen Volunteers* adalah inisiatif bersama antara Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Kesihatan, Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor dan JKMN Selangor. Objektif program adalah:

- i. meningkatkan kesedaran kanak-kanak berkaitan amalan dan nilai murni bagi membentuk peribadi seimbang;
- ii. memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyertai, menyumbang idea dan bagi bagi peningkatan potensi diri;
- iii. mananam sifat tanggungjawab, prihatin dan rasa ingin menolong terhadap masyarakat tanpa mengharapkan balasan;
- iv. memberi galakan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan pandangan secara bertanggungjawab dan beretika bagi merangka program demi kepentingan kanak-kanak.

Kanak-kanak yang terlibat dalam program *Selangor Teen Volunteers* akan lebih terdedah kepada perkhidmatan JKM dan perkara-perkara berkaitan kanak-kanak seperti hak dan isu perlindungan kanak-kanak. Kanak-kanak ini kemudiannya akan menjadi pihak yang akan menyebarluaskan isu hak dan perlindungan kanak-kanak melalui hubungan antara mereka dan rakan-rakan yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : CUKAI PERKHIDMATAN DAN BARANGAN (GST)

168. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah tuntutan semula GST yang belum di pulangkan kepada PBT masing-masing.
- b) Minta pengesahan adakah PBT masih membayar GST bagi kerja-kerja infrastruktur bagi tahun 2018 memandangkan pengumuman PM untuk mengecualikannya?

JAWAPAN:

- a) Jumlah GST yang masih belum diterima dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:

PBT	JUMLAH GST BELUM DITERIMA (RM)
MBSA	13,808,017.24
MBPJ	4,900,021.00
MPK	3,465,380.40
MPAJ	6,065,349.61
MPSJ	3,189,722.50
MPS	7,800,453.27
MPKj	7,104,933.17
MPSp	2,295,993.28
MDKL	827,383.39
MDHS	2,798,271.10

MDKS	55,732.93
MDSB	1,272,267.75
JUMLAH	53,583,525.64

*Sumber: Berdasarkan laporan yang dihantar oleh PBT Negeri Selangor

- b) Pengumuman PM berkaitan GST kepada PBT adalah berkenaan pengecualian GST ke atas pembekalan dan perkhidmatan yang dibuat oleh PBT sebagaimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 64 Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 (Akta 762) pindaan Akta 801.

Sehubungan itu, bagi kerja-kerja di bawah skop perkhidmatan seperti kerja-kerja infrastruktur yang dibekalkan kepada PBT, pihak PBT perlu membayar GST kepada penyedia perkhidmatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK : MASA YANG PERLU DIAMBIL OLEH PEJABAT DAERAH/TANAH
PETALING UNTUK PROSES BAKI PERMOHONAN GERAN KEKAL**

169. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa lamakah masa yang perlu diambil oleh Pejabat Daerah Petaling untuk proses baki permohonan geran kekal Kampung Seri Aman?

JAWAPAN:

- a) Sehingga kini Pentadbir Tanah Petaling telah menerima sebanyak 154 permohonan geran kekal dari Kampung Seri Aman. Sebanyak 47 permohonan telah diluluskan.

Seterusnya Pentadbir Tanah Petaling telah mengenal pasti 47 lagi hakmilik yang boleh didaftarkan geran kekal dan perlu diangkat untuk kelulusan Kerajaan Negeri terlebih dahulu kerana perbezaan keluasan Pelan Akui (PA) dan Pelan Hakmilik Sementara yang melebihi 20%. Proses kelulusan ini tidak akan memakan masa yang lama dan geran kekal akan didaftarkan setelah kelulusan serta bayaran lebihan dijelaskan.

Walau bagaimanapun baki permohonan geran kekal yang lain memerlukan lebih masa untuk tindakan penyelesaian selanjutnya kerana PA yang telah diluluskan tidak boleh didaftarkan sebagai hakmilik kekal. Melalui pemerhatian, hakmilik kekal tidak boleh didaftar kerana berlakunya masalah hakmilik berganjak serta bertindih bagi sebahagian besar tanah hakmilik di Kampung Seri Aman. Sekiranya didaftarkan juga geran kekal dikhuatiri akan menimbulkan masalah kepada tuan tanah di masa akan datang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)

TAJUK : HASIL KUTIPAN CAJ BAYARAN 20 SEN BAG PLASTIK DI SELANGOR

170. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah reaksi Badan-badan Bukan Kerajaan, orang ramai terkini terhadap pengutipan caj bayaran 20 sen sehelai bag plastik sejak diperkenalkan pada Bulan Januari 2010?
- b) Nyatakan jumlah hasil kutipan tahun 2017.
- c) Dimana hasil itu dibelanjakan?

JAWAPAN:

- a) Sejak kempen ini mula diperkenalkan pada bulan Januari 2010, kempen ini menerima sambutan yang amat baik dari pertubuhan bukan kerajaan dan pengguna. Malahan terdapat kesedaran di kalangan masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar di mana rakyat kini lebih selesa membawa sendiri *recycle bag* untuk membeli belah. Apa yang perlu ditekankan adalah sokongan dan kerjasama dari kalangan pemimpin-pemimpin negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan rakyat negeri Selangor untuk sama-sama ke arah menjayakan kempen ini demi kesejahteraan generasi yang akan datang.
- b) Laporan kutipan yang diterima oleh Kerajaan Negeri sejak kempen ini dilaksanakan bermula 1 Januari 2017 sehingga bulan Februari 2018 adalah sebanyak **RM7,199,407.66** (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta Satu Ratus Sembilan Puluh Sembilan Ribu Empat Ratus Tujuh Ringgit dan Enam Puluh Enam Sen). Pecahan kutipan adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
1.	Januari – Disember 2017	6,217,663.40
2.	Januari – Februari 2018	981,744.26
JUMLAH		7,199,407.66

- c) Kerajaan Negeri menggalakkan peniaga untuk menggunakan kutipan caj 20 sen tersebut bagi melaksanakan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar. Selain itu, para peniaga di Selangor turut melaksanakan program berbentuk kemasyarakatan dan kebajikan seperti:
- i) Pembersihan dan mencantikkan Sungai Klang dan program pembersihan pantai;
 - ii) Pengedaran *recycle bag* secara percuma di pasaraya;
 - iii) Kempen kebajikan dan pemberian sumbangan di rumah anak yatim, orang tua dan pertubuhan kebajikan;
 - iv) Menjalankan sumbangan majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan miskin;
 - v) Pemberian sumbangan sempena Hari Raya kepada golongan asnaf dan pemberian bubur lambuk secara percuma; dan
 - vi) Sumbangan kepada keluarga miskin sempena perayaan Tahun Baru Cina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PROSEDUR PENURAPAN JALAN DILAKUKAN OLEH KERAJAAN
PERSEKUTUAN**

171. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah undang-undang dan prosedur untuk kerja penurapan jalan yang ingin dilakukan oleh kontraktor dilantik melalui Kerajaan Persekutuan?
- b) Apakah tindakan diambil sekiranya kerja tersebut tidak dibuat dengan baik sehingga rakyat menggadu / salah faham kerja tersebut dilakukan oleh PBT?

JAWAPAN:

- a) Kerja-kerja penurapan jalan oleh pihak kontraktor perlu mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan didalam kontrak serta mengikut Arahan Teknik Jalan (ATJ) yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia.
- b) Tindakan yang diambil sekiranya kerja penurapan jalan tersebut tidak dilaksanakan dengan baik, pihak JKR akan mengeluarkan Non-Conformance Report (NCR) yang mana penutupan kepada NCR tersebut memerlukan kerja pembaikan semula yang sewajarnya mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, pemotongan terhadap tuntutan pembayaran kepada kontraktor juga akan dilakukan sekiranya masih ingkar untuk membaiki semula.

Sekiranya PBT menerima aduan daripada penduduk mengenai kualiti kerja penurapan jalan yang dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan tidak memuaskan, PBT akan membuat semakan dan memanjangkan aduan tersebut melalui surat rasmi untuk agensi yang terlibat serta sesalinan kepada pihak pengadu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : PENGANGGURAN

172. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perangkaan terkini jumlah pengangguran di Negeri Selangor?
 - b) Adakah terdapat program-program tertentu yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan kadar pengangguran di Selangor?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada data yang diperoleh daripada Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016, Selangor telah mencatat bilangan penganggur seramai 107,400 orang. Manakala kadar pengangguran Selangor pada tahun 2016 telah mencatat sebanyak 3.2%.

Jadual 1: Bilangan penganggur mengikut umur, kumpulan etnik, jantina dan negeri, Malaysia, 2008-2016

Warganegara	352.1	401.0	371.3	353.1	367.1	396.4	375.9	407.9	448.2
Bumiputera	241.0	269.7	261.9	251.9	257.6	275.0	268.9	292.6	314.1
Cina	70.3	83.1	71.5	64.8	66.1	81.2	63.8	72.1	85.9
India	36.2	43.5	34.8	32.8	37.8	33.8	36.3	39.0	44.2
Lain-lain	4.5	4.7	3.2	3.5	5.6	6.5	6.9	4.2	4.0
Bukan warganegara	16.4	17.0	33.1	36.1	34.1	38.6	35.2	42.4	55.9
Jantina									
Lelaki	223.5	262.4	247.7	237.6	249.6	254.8	235.7	261.8	282.4
Perempuan	145.0	155.6	156.8	151.6	151.6	180.3	175.4	188.5	221.7
Negeri									
Johor	29.3	43.7	34.7	38.0	47.9	45.4	41.4	50.6	58.5
Kedah	27.0	31.1	21.2	26.6	23.4	20.5	24.3	23.7	26.6
Kelantan	14.5	12.6	13.1	10.8	13.6	17.1	21.0	24.1	24.9
Melaka	3.2	6.9	3.5	2.5	1.8	2.7	3.4	4.1	3.5
Negeri Sembilan	12.2	15.7	12.9	13.0	13.6	14.7	14.4	14.9	12.8
Pahang	15.8	18.6	17.5	16.2	17.8	19.1	18.9	20.6	18.3
Pulau Pinang	13.4	17.3	16.7	14.7	16.0	14.2	13.3	14.0	18.1
Perak	33.6	32.2	27.3	24.9	28.3	37.3	33.1	32.5	34.8
Perlis	2.5	2.8	2.8	3.4	3.5	3.6	3.3	3.0	3.0
Selangor	67.8	78.0	83.2	65.5	66.6	72.9	62.4	77.9	107.4
Terengganu	13.2	15.3	14.1	12.9	12.2	14.4	17.9	17.5	18.6
Sabah	63.8	74.6	82.1	88.1	90.5	95.7	90.6	92.3	103.3
Sarawak	51.3	46.8	48.1	45.3	41.0	45.7	39.2	43.5	41.9

W.P. Kuala Lumpur	18.8	20.2	24.9	25.1	22.5	29.5	25.0	29.1	28.2
W.P. Labuan	1.9	2.1	2.4	1.7	1.9	1.7	2.2	2.1	3.4
W.P. Putrajaya	n.a	n.a	n.a	0.5	0.6	0.5	0.5	0.4	0.7

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2: Kadar pengangguran mengikut umur, kumpulan etnik, jantina dan negeri, Malaysia, 2008-2016

Lelaki	3.2	3.6	3.1	2.9	3.0	2.9	2.7	2.9	3.1
Perempuan	3.7	3.8	3.6	3.3	3.2	3.4	3.2	3.4	3.9
Negeri									
Johor	2.2	3.2	2.4	2.5	3.1	2.8	2.6	3.1	3.6
Kedah	3.8	4.2	2.8	3.5	2.9	2.4	2.7	2.6	2.9
Kelantan	2.9	2.4	2.4	2.0	2.3	2.8	3.3	3.6	3.8
Melaka	1.1	2.4	1.0	0.7	0.5	0.7	0.9	1.0	0.9

b) Kerajaan Negeri Selangor telah menganjurkan program - program bagi mengurangkan kadar pengangguran di Selangor seperti berikut:

- i. Program Karnival Kerjaya (*Selangor Job Fair*) adalah kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia iaitu sebuah program yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan. Program yang dilaksanakan pada 11 Mac 2017 telah berjaya melibatkan bilangan pengunjung seramai 559 orang dengan tawaran kekosongan jawatan sebanyak 1,382.
- ii. Menyediakan pendidikan kemahiran dan vokasional secara percuma di Kolej INPENS bagi belia yang kurang berkemampuan tetapi masih ingin meneruskan pembelajaran tanpa mempunyai latar belakang pendidikan cemerlang.
- iii. Program Latihan Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) iaitu sebuah program latihan keusahawanan dalam bidang Penternakan, Bakeri, Percetakan Segera, Jahitan Pakaian, Penjagaan Awal Kanak-Kanak, Makanan Ringan (cendol dan laksa), Penyelenggaraan Penyaman Udara, Mutawwif, Rawatan Wanita Selepas Bersalin dan Jurubekam Klinikal Bertauliah. Program ini yang diberikan secara percuma merangkumi beberapa kategori iaitu belia, suri rumah, pesara dan ibu tunggal.

- iv. Program *Graduate Employability and Enhancement Selangor* (PROGRES) adalah sebuah program yang diperkenalkan pada tahun 2016 untuk memberi peluang kepada belia-belia yang masih belum mendapat pekerjaan untuk menjalani latihan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran belia khususnya di Selangor termasuk penempatan di syarikat-syarikat terpilih

- v. Pada tahun 2015, Program Strategi Peningkatan Kemahiran Belia atau *Youth Enhancement Strategy Selangor* (YES) telah dilaksanakan. Program ini memberi fokus kepada belia yang tidak mempunyai akademik cemerlang untuk menjalani latihan di Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seterusnya membolehkan mereka mendapat pekerjaan selepas tamat latihan. Walau bagaimanapun, Program YES ini telah menjadi salah satu program di bawah Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS) seperti yang dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sewaktu Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Program IKTISASS ini diperkenalkan bertujuan untuk memberi peluang kepada belia untuk memantapkan kemahiran bagi menjamin kebolehpasaran belia dalam industri dan membantu mengurangkan kadar pengangguran di negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(N54 TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PROGRAM KISS

173. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sehingga March 2018, berapakah permohonan peserta program KISS yang telah diluluskan?
- b) Nyatakan jumlah kelulusan mengikut Daerah dan kawasan Dewan Negeri (DUN)?
- c) Adakah kerajaan berhasrat untuk menambah peruntukan bagi membolehkan ramai lagi peserta dapat dibantu?

JAWAPAN:

Jawapan ini akan dijawab bersekali dengan soalan no. 142 dari Ahli Yang Berhormat Taman Medan, soalan no. 178 dari Ahli Yang Berhormat Ijok, soalan no. 145 dari Ahli Yang Berhormat Hulu Kelang, soalan no. 102 dari Ahli Yang Berhormat Selat Kelang, soalan no.113 dari Ahli Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu dan soalan no. 134 dari Ahli Yang Berhormat Seri Serdang.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) ini telah berjaya menarik minat semua pihak di Malaysia yang mana program ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor dalam mengiktiraf dan menghargai pengorbanan kaum ibu yang menguruskan, mendidik dan membesarakan anak dalam sesebuah keluarga.

Berdasarkan ucapan pembentangan belanjawan yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada November 2017 yang lalu, Program KISS ini bakal memberi manfaat kepada 30,000 orang rakyat Selangor. Bermula saat itu, setiap hari Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN telah didatangi oleh rakyat setempat yang ingin membuat permohonan untuk mendapatkan manfaat program ini. Jelas sekali menunjukkan bahawa bantuan sebegini amat diperlukan oleh rakyat Selangor dalam berhadapan dengan kos sara hidup yang semakin meningkat dan yang paling penting adalah untuk menjalani kehidupan yang sihat serta melahirkan institusi keluarga yang bahagia dan sejahtera. Namun begitu, keutamaan tetap

diberikan kepada kaum ibu yang menepati kriteria dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Program KISS ini telah pun dilancarkan pada 22 Januari 2018 oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di Kampung Permatang, Kuala Selangor. Program ini telah mendapat sambutan yang luar biasa daripada rakyat di Selangor kerana nilai manfaat program ini amat besar dan bermakna kepada kaum ibu dalam memenuhi keperluan asas keluarga.

Nilai RM200 dan Barang

Dengan nilai bantuan sebanyak RM200 sebulan daripada Kerajaan Negeri, kaum ibu di Selangor kini boleh membeli barang keperluan asas keluarga secara tanpa tunai (cashless) seperti beras, mi dan bihun, roti, biskut, telur, gula dan garam, rempah ratus, sos, kicap, tepung, minyak masak, sayur-sayuran, buah-buahan, daging (ayam, lembu, kambing), ikan, lampin pakai buang, barang persekolahan, produk tenusu (susu segar, susu tepung, susu sejat, susu pekat manis) dan sabun, kelengkapan mandian serta bahan pencuci.

Proses Pendaftaran Ahli KISS

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk membuat permohonan pendaftaran ahli Program KISS ini, pemohon perlu memuat turun borang permohonan di laman web rasmi KISS iaitu di www.kiss.com.my serta melengkapkan borang kerkenaan dengan melampirkan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam borang permohonan berkenaan.

Borang yang telah lengkap ini tadi perlulah dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk disemak dan disaring mengikut kelayakan seperti kriteria yang telah ditetapkan sebelum dikemukakan kepada Selcare Management Sdn Bhd iaitu pengendali program ini untuk proses cetakan kad KISS.

Namun begitu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum kad KISS dicetak, perlu dipastikan tiada nama pemohon yang bertindih, dokumen sokongan telah disertakan dan pengesahan borang telah dilakukan. Oleh yang demikian, proses ini akan mengambil sedikit masa yang menyumbang kepada kelewatan pengeluaran kad KISS.

Setelah itu, cetakan kad KISS akan dibuat dan seterusnya dihantar ke Pejabat DUN atau Pejabat Penyelaras DUN atau Pejabat Exco Kebajikan untuk diserahkan kepada penama kad KISS yang berkenaan.

Pengaktifan Kad KISS

Bagi pemohon yang telah menerima kad KISS, kad KISS berkenaan perlu diaktifkan sebelum penggunaan dan pembelian dibuat di kedai-kedai panel berdaftar bagi Program KISS ini.

Cara-cara pengaktifan kad boleh di rujuk pada lampiran yang disertakan di dalam surat kad KISS yang diterima.

Kuota Penerima Kad KISS

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada kuota khusus yang ditentukan di setiap DUN. Bilangan penerima Program KISS ini sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor di dalam Belanjawan 2018 adalah sebanyak 30,000 orang rakyat Selangor.

Pemberian kad KISS ini kepada penerima manfaat yang berkelayakan telah turut mengambilkira kepadatan penduduk, keluasan dan kemampuan sesebuah kawasan berdasarkan bilangan dan taraf ekonomi penduduk yang terdiri daripada golongan berkemampuan dan kurang atau tidak berkemampuan serta kedudukan mereka sama ada di bandar atau luar bandar.

Serahan Kad KISS

Sehingga 21 Mac 2018, sebanyak 20,081 kad KISS telah diserahkan kepada pemohon yang layak melalui Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor. Ini menunjukkan bahawa sasaran Kerajaan Negeri untuk mendapatkan 30,000 orang penerima telah hampir dicapai hasil kerjasama padu, komitmen dan dedikasi para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN di seluruh Selangor.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat serta para kakitangan Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN yang sentiasa bersedia dan siap siaga dalam menerima kedatangan rakyat untuk mendapatkan maklumat, menerima borang permohonan dan menyaring permohonan yang diterima untuk dikemukakan kepada pihak Selcare

Management Sdn Bhd bagi memastikan rakyat di DUN berkenaan tidak terlepas dalam mendapatkan manfaat yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil maklum bahawa terdapat Pejabat DUN dan Pejabat Penyelaras DUN masih belum menerima kad KISS kerana proses sebagaimana yang saya maklumkan sebentar tadi dan semakan yang lebih teliti di samping permohonan yang diterima adalah diluar jangkaan.

Panel Kedai Berdaftar Program KISS

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 21 Mac 2018 sebanyak 235 buah kedai di seluruh Selangor telah berdaftar dengan program KISS ini yang terdiri daripada Kedai Serbaneka 99 Speedmart, kedai-kedai runcit tempatan, kedai Pusat Pakaian Hari-hari dan Pasaraya Giant.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri Selangor amat berterima kasih kepada pihak yang sangat prihatin di atas isu-isu Program KISS ini yang mana ianya menunjukkan bahawa program ini sangat istimewa terutamanya kepada kaum ibu sekaligus dapat mengangkat martabat ibu dan wanita yang merupakan faktor penting dalam pembangunan masyarakat dan negeri. Memandangkan program ini mendapat sambutan yang luar biasa, maka Kerajaan Negeri sedang dalam penelitian untuk memperluaskan lagi manfaat ini kepada rakyat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)**

TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR BERTEKANAN RENDAH MASIH BERLAKU DI DUN MERU BERPUNCA DARIPADA PARAS KOLAM YANG RENDAH DENGAN KAPASITI 15 JUTA LITER AIR DI KOLAM NORTH HUMMOCK DAN 19 JUTA LITER AIR DI KOLAM LAM BEE

174. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah purata semasa juta liter air masuk, keluar dan baki paras setiap kolam sehari?
- b) Apakah penurunan paras ini, kesan daripada penggunaan tinggi kilang-kilang di Meru?
- c) Adakah cadangan meningkatkan kapasiti kolam dan sumber bekalan sentiasa seimbang dengan pengeluaran?

JAWAPAN:

- a) Purata semasa juta liter air masuk dan keluar setiap kolam sehari adalah seperti berikut:
 1. Kolam North Hummock : 15.0 juta liter sehari
 2. Kolam Lam Bee : **500.4 juta liter sehari**

Kolam Lam Bee merupakan Kolam Imbangan yang membekalkan air ke Kolam Bukit Rajah, Kolam Bukit Lipat Kajang dan kolam-kolam kecil di sekitar kawasan Kapar Meru. Ia berfungsi sebagai kolam simpanan untuk kawasan Meru dan Kapar di mana kawasan-kawasan yang dinyatakan menerima bekalan air secara terus dari Kolam Lam Bee.

Kolam Lam Bee mempunyai dua (2) kolam utama iaitu kolam A dan kolam B, dan setiap kolam mempunyai dua (2) petak simpanan. Bacaan baki paras minimum kolam setiap hari adalah seperti berikut:

Kolam A

- Petak 1 : 1.70 meter
- Petak 2 : 1.49 meter

Kolam B

- Petak 1 : 0.10 meter
- Petak 2 : 0.90 meter

- b) Penurunan paras kolam adalah disebabkan penggunaan yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Berdasarkan rekod permohonan, berikut adalah jumlah permohonan bekalan air yang diterima oleh Air Selangor di kawasan Meru dan Kapar dari tahun 2016 hingga Februari 2018.

Tahun	Bilangan Permohonan	Jumlah Penggunaan (Juta Liter Sehari)
2016	48	13.5
2017	43	3.9
2018	7	2.09
Jumlah	98	19.49

- c) Pada masa ini kerja-kerja pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Labuhan Dagang dan LRA Langat 2 sedang giat dijalankan. Dengan siapnya pembinaan loji-loji rawatan air tersebut, sumber air ke Kolam Lipat Kajang dari Kolam Lam Bee akan dapat dikurangkan seterusnya dapat menstabilkan paras Kolam Lam Bee.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PORTFOLIO HAL EHWAL WANITA DAN KELUARGA

175. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peratusan perbelanjaan bajet 2017 dibawah portfolio tersebut.
- b) Nyatakan program-program dibawah portfolio tersebut dan jumlah perbelanjaan pada 2017.

JAWAPAN:

- a) Keprihatinan Kerajaan Negeri dalam memberi sokongan dan dokongan terhadap golongan wanita sentiasa positif dan berterusan melalui pemberian peruntukan setiap tahun untuk dimanfaatkan bagi tujuan pemberdayaan dan pembangunan wanita di Selangor.

Bagi tahun 2017 yang lalu, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM3,000,000.00 kepada portfolio Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga melalui vot pembangunan P01-06001 Program Pemberdayaan Wanita dan Keluarga.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2,501,421.00 bersamaan 83% telah dibelanjakan bagi tujuan program-program pemberdayaan dan pembangunan golongan wanita di Selangor.

- b) Berikut adalah program-program pemberdayaan wanita dan keluarga yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga disepanjang tahun 2017:-

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
1.	Program-program PWB DUN	1,680,000.00
2.	Program Majlis Ramah Mesra YB Exco & Penubuhan Jawatankuasa 30% <i>Club Women Top Management</i>	3,000.00
3.	Program “Seiring Sejalan, Syurga Jannah Pilihan” anjuran bersama PEKAWANIS	26,185.00
4.	Advokasi Keselamatan Anak Remaja Wanita (<i>Big Girls Talk</i>)	30,000.00
5.	Advokasi Keselamatan Anak Lelaki Remaja (<i>Big Boys Talk</i>)	58,970.00
6.	Diskusi Muslimat (sepanjang Bulan Ramadhan)	100,000.00
7.	<i>Malaysia Women Marathon (MWM) 2017</i> anjuran bersama Tourism Selangor Sdn. Bhd. (TSSB)	35,000.00
8.	Program Pembangunan Dan Peningkatan Usahawan Wanita Di Bawah Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor Dengan Kerjasama Sirim Berhad	57,240.00
9.	Kempen Hormat Wanita – Kemudahan Bilik Laktasi di Bangunan Ibu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	89,400.00
10	Kempen Hormat Wanita – Kemudahan Parkir Ibu Hamil di sekitar Bangunan Ibu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	37,596.00
11.	Program Pemantapan Skill Komunikasi Berkesan Para Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) Seluruh Selangor	26,550.00

BIL	PROGRAM	PERBELANJAAN (RM)
12.	Program “Pink Walk” Sempena Sambutan <i>Pink October</i> anjuran bersama Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	118,130.00
13	Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017	93,600.00
14.	Sambutan Hari Ibu Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017 anjuran bersama PERKAWANIS	67,750.00
15.	Program-program Usahasama melalui kertas kerja yang dihantar oleh jabatan, agensi, NGO, Persatuan atau Pertubuhan seperti berikut :- <ol style="list-style-type: none"> 1. Karnival Hari Wanita Sabak Bernam 2. Fiesta Keluarga & Wanita Semenyih bersama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 3. Karnival Keluarga Sejahtera AIM 4. Pertandingan Marhaban PERKAWANIS 5. Program Bicara Wanita & Dialog Kasih Bersama Tun Dr. Siti Hasmah Binti Ali, anjuran bersama Pertubuhan Jelajah Wanita Selangor (WAJAH) 	40,000.00 6,000.00 5,000.00 7,000.00 20,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN PORTFOLIO WANITA DAN KELUARGA (RM)		2,501,421.00

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN

176. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan premis-premis yang dimiliki oleh parti-parti politik yang mempunyai tunggakkan cukai taksiran dan jumlah tunggakan mengikut PBT masing-masing.

JAWAPAN:

- a) Senarai premis yang dimiliki oleh parti-perti politik yang mempunyai tunggakan cukai taksiran sehingga tahun 2017 adalah seperti di **Lampiran A** dan rumusan tunggakan cukai taksiran bagi pegangan milikan parti-parti politik mengikut PBT adalah seperti berikut:

PBT	UMNO (RM)	MCA (RM)	GERAKAN (RM)	MIC (RM)
MBSA	77,410.80	860.00	Tiada	Tiada
MBPJ	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MPK	53,343.25	Tiada	Tiada	Tiada
MPAJ	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MPSJ	79,920.80	Tiada	7,760.00	Tiada
MPS	67,802.95	254.40	Tiada	5,227.20
MPKj	8,027.00	Tiada	Tiada	Tiada
MPSp	15,429.65	Tiada	Tiada	Tiada
MDKL	23,271.02	Tiada	Tiada	Tiada
MDHS	52,725.00	218.00	Tiada	Tiada
MDKS	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
MDSB	36,303.10	Tiada	Tiada	Tiada
JUMLAH	414,233.57	1,332.40	7,760.00	5,227.20

Berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di bawah seksyen 148 Tindakan Untuk Menuntut Tunggakan PBT boleh menyita apa-apa harta alih kepunyaan pegangan setelah melaksanakan dan memenuhi keperluan seksyen tersebut. Namun PBT Negeri Selangor Negeri Selangor telah melaksanakan secara perundingan (*soft approach*) berikutan keadaan ekonomi semasa yang membebankan bagi mengutip tunggakan cukai taksiran.

LAMPIRAN A

PBT	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
MBSA (UMNO) - UMNO Shah Alam (5 Premis) - UMNO Selangor (1 Premis)	RM 77,410.80
(MCA) - MCA Shah Alam (1 Premis)	RM 860.00
(GERAKAN) - GERAKAN (1 Premis)	Tiada
MBPJ	Tiada
MPK (UMNO) - Kompleks Pejabat UMNO, 157 Jln Pelabuhan Klang. - PT 432, Bangunan UMNO, Jln Sentul, Pelabuhan Klang. - 1 Jln 7, Kg Idaman, Pelabuhan Klang.	RM 46,284.00 RM 6,500.00 RM 559.25
(MCA) - 6-1 Jalan Zapin K/KU5, Taman Bukit Mutiara Bandar Bukit Raja	Tiada
MPAJ	Tiada

PBT	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
MPSJ (UMNO Puchong) - Bandar Bukit Puchong (2 Premis)	RM 79,920.80
(Parti Gerakan Rakyat Malaysia) - Taman Kinrara (1 Premis)	RM 7,760.00
MPS (UMNO) - Taman Batu Caves, Selayang Baru, Jalan Batu Caves, Frim, Kampung Laksamana, Taman Sri Gombak, Taman Jasa Utama	RM 67,802.95
(MCA) - Selayang Segar	RM 254.40
(MIC) - Taman Sri Gombak, Pekan Rawang	RM 5,227.20
MPKj (UMNO) - No. 1A, Jalan Mendaling, 43000 Kajang, Selangor	RM 8,027.00

PBT	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
MPSp (UMNO) - Jalan 1, Medan 23, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor	RM15,429.65
(UMNO) - No. 16, Jalan 1, Medan 23, Bandar Baru Salak Tinggi, 43900 Sepang, Selangor.	Tiada
MDKL (UMNO) - Lot 190, Bangunan UMNO, Jalan Sultan Abdul Samad, 42700 Banting	RM 18,899.66
(UMNO) - No. 1, Jalan Cemerlang 4, Pusat Perdagangan Banting, 42700 Banting	RM 4,371.36
MDHS (UMNO) - 12 premis	RM 52,725.00
(MCA) - 1 premis	RM 218.00
MDKS	Tiada

PBT	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
MDSB (UMNO) - UMNO Bahagian Sungai Besar No 1, Jln Hj. Said 1 Pasir Panjang Sekinchan.	RM2,252.50
(UMNO) - Pejabat UMNO Sungai Besar Lot 17063 Jln Besar Sungai Besar	RM 28,761.20
(UMNO) - UMNO Bahagian Sungai Besar No. 17 Jln Perwira 2 Tmn Perwira Sungai Besar	RM 325.20
(UMNO) - UMNO Bahagian Sungai Besar No. 19 Jln Perwira 2 Tmn Perwira Sungai Besar	RM 325.20
(UMNO) - UMNO Bahagian Sungai Besar No. A2 Jln Pejabat Pos Sekinchan	RM 3,259.00

PBT	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN
(UMNO) - UMNO Bahagian Sungai Besar Lot 24417 Medan Sungai Besar, Sungai Besar	RM 690.00
(UMNO) - UMNO Bahagian Sungai Besar Lot 24418 Medan Sungai Besar, Sungai Besar	RM 690.00
JUMLAH	RM 428,856.67

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(N55 DENGKIL)**

TAJUK : SAMAN MAHKAMAH

177. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kes saman Kerajaan Negeri sejak Pakatan Harapan mentadbir Selangor?
- b) Nyatakan jumlah saman yang menang, kalah, selesai luar mahkamah dan masih dalam perbicaraan?

JAWAPAN:

- a) Senarai kes saman untuk Negeri Selangor yang diterima antara tahun 2008 sehingga 13 Mac 2018 seperti di Jadual.

Jumlah kes yang direkodkan dari tahun 2008 sehingga kini adalah sebanyak 1640 kes. Kes-kes adalah melibatkan pelbagai peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan melibatkan pelbagai jenis kes termasuk tort kecuaian, perlanggaran tugas statutori, semakan kehakiman, penamatkan kontrak dan yang dikategorikan sebagai pihak nominal sahaja.

TAHUN	JUMLAH (BILANGAN KES)
2008	59
2009	86
2010	150
2011	168
2012	153
2013	205
2014	146
2015	206
2016	214
2017	205
2018	48

- b) Daripada 1640 jumlah kes yang direkodkan dari tahun 2008 sehingga 2018, sebanyak 1327 kes yang telah selesai sama ada menang, kalah, selesai luar mahkamah atau dikategorikan sebagai selesai manakala sebanyak 313 kes masih dalam perbicaraan. Sebagai makluman bagi tahun 2017-2018, jumlah kes menang ialah sebanyak 56 kes, jumlah kes kalah ialah sebanyak 41 kes manakala jumlah kes selesai luar mahkamah atau dikategorikan sebagai selesai ialah sebanyak 106 kes.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : INISIATIF KISS

178. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pusat Khidmat Masyarakat DUN masih dibanjiri oleh pemohon2 setiap hari. Bolehkah PKM DUN terima pemohonan KISS sehingga kini?
- b) Adakah hadnya peruntukan (budget) KISS untuk negeri Selangor bagi tahun 2018?

JAWAPAN:

Soalan ini telah dijawab bersekali dengan soalan no. 102 dari Ahli Yang Berhormat Selat Klang bertajuk Keadaan Ekonomi Semakin Teruk: KAD KISS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : GALAKAN TERHADAP PROGRAM PENGHIJAUAN TAMAN INDUSTRI

179. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah langkah kerajaan bagi menggalakkan pelaksanaan Program Penghijauan Taman Industri seperti di dalam Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018 di kalangan pihak industri?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli – Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi tumpuan kepada 8 tindakan utama melalui **Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016-2018**. Melalui Pelan Tindakan ini, Taman - Taman Industri Negeri Selangor akan terlibat di dalam Program Penghijauan Taman Industri.

Program penghijauan taman industri akan melibatkan 4 komponen utama kecekapan tenaga, pengurusan sumber air terpakai, simbiosis sisa industry dan sistem penuaian air hujan. Program ini akan melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan Industrial Park Management Committee (IPMC). IPMC akan dilantik sebagai penyelaras dan bertanggungjawab untuk melaporkan kemajuan program kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Program penghijauan taman industri ini akan membantu pihak Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan kecekapan penggunaan tenaga bagi kawasan industri dan membolehkan kadar pelepasan karbon bagi kawasan industri dikurangkan. Sehingga kini, PBT Negeri Selangor telah melaksanakan pelbagai inisiatif hijau bagi mengurangkan pengeluaran karbon di kawasan industri. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Mensyaratkan kepada pemaju-pemaju kawasan industri untuk mengaplikasikan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH), penggunaan aplikasi yang cekap tenaga, produk tenaga diperbaharui dan menggalakkan pelaksanaan *Green Building Indeks* (GBI) didalam setiap kelulusan kebenaran merancang; (**Semua PBT**)

- ii. Melaksanakan Garis Panduan Pemberian Nisbah Plot bagi pembangunan baru dengan melaksanakan kriteria *Green Building* dan *Low Carbon Cities Framework* (LCCF); (**MBPJ**)
- iii. Menyediakan kemudahan panel kontraktor swasta bagi pelupusan sisa pepejal kepada kawasan industri sebagai langkah pengurusan sisa yang menyeluruh; (**MBPJ**)
- iv. Mensyaratkan pihak industri menyediakan kawasan hijau dengan penanaman pokok di kawasan kilang dan gudang; (**MBSA, MPSJ, MPAJ, MPSP**)
- v. Menyediakan Geran Audit Tenaga; (**MBSA**)
- vi. Melaksanakan Anugerah Rendah Karbon kepada pemaju / syarikat industri yang mengamalkan aktiviti rendah karbon di premis; (**MBSA**)
- vii. Menubuhkan Jawatankuasa Taman Perindustrian (IPMC) yang bermesyuarat 4 kali setahun; (**MPAJ**)
- viii. Mengadakan kempen tanam pokok di kawasan industri; dan (**MDKL**)
- ix. Mensyaratkan dan menyediakan laluan pejalan kaki dan basikal di dalam kawasan industri. (**MPK, MDKL**)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(N04 SEKINCHAN)**

TAJUK : PUSAT PENDARATAN & PENGUMPULAN IKAN BAGAN SEKINCHAN

180. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembinaan pusat tersebut?
- b) Sila kemukakan apakah kekangan yang dihadapi sehingga usaha tersebut masih enggak bisa direalisasikan?
- c) Sila nyatakan secara detail bilakah pembinaan pusat tersebut akan dimulakan dan jumlah peruntukan yang akan disalurkan?

JAWAPAN:

- a) Pihak persatuan masih dalam proses melantik juruukur tanah untuk mewartakan tanah tersebut.
- b) Pihak MDSB masih menunggu BQ yang perlu dihantar oleh pihak kontraktor untuk memohon peruntukkan ke kerajaan negeri.
- c) Jumlah peruntukkan adalah berdasarkan anggaran kos yang perlu disediakan oleh pihak arkitek yang dilantik.